



**UCAPAN PERASMIAN
SEMPENA
HARI TEKNIKAL DAN KEJURUTERAAN JKR MALAYSIA 2017
OLEH
MENTERI KERJA RAYA
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN
HAJI YUSOF**

**22 OGOS 2017 (SELASA)
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

(Salutations)

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai Kader, Pegawai-Pegawai Kanan dan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah segala puji milik Allah Subhannahu Wataala. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Shallahu 'Alaihi Wa Sallam. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia-NYA, maka kita dapat berkumpul pada hari ini sempena Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia 2017.
2. Sesungguhnya, majlis pada hari ini, cukup bermakna dan begitu besar ertinya, khusus kepada warga JKR kerana saya difahamkan sambutan Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia julung kali diadakan pada tahun ini.
3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pimpinan pengurusan atasan kerana berjaya merealisasikan impian warga JKR untuk mewujudkan "special day" kepada penggiat industri teknikal dan kejuruteraan.

4. Terima kasih juga kepada pihak penganjur kerana telah sudi mengundang saya untuk menyampaikan ucapan, seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia 2017.

5. Sesungguhnya saya berbesar hati dapat bersua muka dengan hadirin sekalian dan berharap dengan pelaksanaan program sebegini, kita mampu memberikan kesedaran kepada rakyat tentang pentingnya kekompetenan sejati dalam aspek teknikal yang menjadi tunjang belakang kepada pembangunan prasarana dan kemudahan-kemudahan untuk rakyat yang memenuhi keperluan dan selamat digunakan tanpa ragu-ragu.

6. Umum perlu sedar bahawa di sebalik pelbagai kemudahan yang disediakan sejak dahulu sehingga zaman moden ini, ianya telah dibasahi dengan keringat tenaga dan pemerahan buah fikiran, ilmu dan kemahiran kumpulan teknikal. JKR adalah antara agensi teknikal yang terulung dan telah memberikan perkhidmatan lebih dari 140 tahun.

YBhg. Dato' Sri/Dato-Dato/Datin-Datin/ Tuan-Tuan/Puan-Puan,

TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

7. Sebagai Kementerian dan jabatan yang meneraju bidang teknikal dan kejuruteraan di Malaysia, saya sentiasa menggalakkan warga JKR meneroka, membangun dan memanfaatkan teknologi terkini dalam menjana ilmu pengetahuan dan kepakaran bagi menghasilkan perkara-perkara baharu dalam bidang teknikal dan kejuruteraan.

8. Selaras dengan agenda dan visi Transformasi Nasional 2050 atau TN50, yang akan membawa perubahan kepada tadbir urus, pembangunan, ekonomi, sosial dan pendidikan, warga JKR hendaklah memastikan ilmu-ilmu teknikal dan kejuruteraan terkini diperkembangkan dan diterima umum dalam usaha memacu TN50.

9. Mendepani dunia tanpa sempadan merupakan satu cabaran getir bagi kita warga teknikal kerana '***we are now in the world migrating to a wholly digital environment.***' Penggunaan medium ini secara meluas akan menjadikan kita amat berdaya saing. Justeru saya amat gembira dengan halatuju perubahan pengurusan projek kepada *Building Information Modeling* (BIM) yang akan menyelesaikan banyak masalah-masalah lama dan akan meningkatkan kualiti industri binaan secara keseluruhannya. Jika dahulunya arkitek membuat pelan rumah menggunakan kaedah manual namun, dengan pembangunan dunia IT dan digital, lukisan senibina dapat dihasilkan menggunakan perisian komputer yang lebih cepat dan mudah seperti BIM bagi proses membangun dan menguruskan model maklumat bangunan menerusi penggunaan imej tiga dimensi, di samping menampilkan reka bentuk pintar.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

10. Kita perlu mempelopori dan mengungguli kaedah-kaedah baru berasaskan digital ini agar kita bukan sahaja sentiasa relevan, tetapi menjadi '***The Preferred Implementation Agency.***' Kita perlu berani bergerak jauh ke hadapan, mempelopori teknologi, melahirkan pencipta dan bukan sekadar menjadi pengimport atau pengguna semata-mata. Di sini juga saya ingin mengajak hadirin sekalian untuk sama-sama menyaksikan tiga video dengan penggunaan kaedah teknologi terkini iaitu pembinaan jalan menggunakan plastik terbuang, pembinaan terowong di dasar laut dan pembinaan menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS).

(Nota : Tayangan Video di tayangkan)

11. Selain daripada penggunaan meluas medium digital ini, kita perlulah juga sentiasa dapat memaklumkan kepada rakyat perkhidmatan yang kita berikan dengan mudah tanpa perlu datang ke pejabat dengan pembangunan aplikasi-aplikasi mudahcara yang boleh diakses melalui *smartphone*. Sebagai contoh dalam urusan mendapatkan khidmat guaman, orang awam hanya mengusulkan pertanyaan menerusi online dan jawapan akan diperolehi secara terus tanpa perlu hadir ke pejabat peguam. Contohnya blog peguamsyariemalaysia.blogspot.com. Begitu juga dengan profesion doktor, terdapat blog kesihatan seperti *The Malaysian Medical Gazette* dan www.infosihat.gov.my bagi memberi kesedaran dan nasihat berguna berkaitan kesihatan.

12. JKR telah memperkenalkan kaedah *Pre-Approved Plan* bagi memendekkan masa perancangan rekabentuk dalam setiap projek pembinaan bangunan kerajaan di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia ke-11. Melalui teknologi maju ini, kita dapat mengelakkan perselisihan antara arkitek dan jurutera serta menjimatkan masa.

13. Paling penting adalah rakyat perlu YAKIN bahawa golongan teknikal memainkan peranan bagi memastikan segala prasarana yang digunakan oleh mereka adalah memenuhi segala piawaian kualiti dan keselamatan dengan penuh INTEGRITI. Rakyat perlu yakin bahawa golongan teknikal tidak akan membiarkan mereka menggunakan fasiliti sembarangan sehinggalah ditentusahkan selamat untuk digunakan. Keyakinan mereka ini tidak boleh digugat dengan insiden-insiden kemalangan dan ketidakselamatan disebabkan kecuaiannya. Teknikal dan kecuaiannya adalah dua perkara berbeza dan hendaklah menjadi dua perkara yang bertentangan di hati rakyat.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MEMPERKASAKAN KEPAKARAN TEKNIKAL

14. Dalam usaha memperkasakan kepakaran teknikal, kerajaan telah melaksanakan pelbagai kaedah. Antaranya adalah;

i) Penekanan Pendidikan Kepada Industri Teknikal dan Kejuruteraan

15. Seperti yang kita sedia maklum, pendidikan telah dipilih menjadi salah satu daripada Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA yang menyumbang kepada Program Transformasi Negara (ETP). Dalam perkara ini, salah satu disiplin kluster yang telah dipilih adalah kejuruteraan lanjutan. Pemilihan kluster disiplin ini jelas membuktikan potensi bidang kejuruteraan amat tinggi dan juga strategik dalam mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

16. Di samping itu, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020 juga telah menggariskan kepentingan ini memandangkan aktiviti perindustrian pada masa hadapan adalah berteraskan teknologi tinggi maka adalah sesuatu kemestian bagi pihak kerajaan dan swasta yang terlibat dengan pendidikan teknikal dan kejuruteraan untuk membuat perancangan yang teliti dan komprehensif demi mewujudkan suatu sistem pendidikan yang terbaik agar ia dapat memenuhi keperluan semasa.

ii) Modal Insan Berkepakaran

17. Pembangunan modal insan merupakan elemen asas dalam mentransformasikan ekonomi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi. Ke arah mencapai daya saing yang tinggi di peringkat global dan ekonomi berasaskan inovasi, pendekatan yang sistematik dan menyeluruh untuk membangun, menarik dan mengekalkan modal insan berkepakaran tinggi negara adalah diperlukan. Malaysia perlu merapatkan jurang untuk mencapai modal insan berkepakaran taraf dunia.

18. Dalam menepati hasrat ini, saya percaya Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE) JKR memainkan peranan penting dalam usaha untuk memperkasa pembangunan modal insan, mengukuh dan memperbanyakkan Subject Matter Experts (SME) agar JKR terus kekal relevan serta mencapai matlamat untuk melahirkan kakitangan yang kompeten dan profesional.

19. Dalam mencorak halatuju teknikal menuju TN50, CREaTE harus memainkan peranan tunjang kepada negara dengan idea-idea baru yang inovatif lagi kreatif berdasarkan aspirasi rakyat yang diperolehi dari sesi-sesi *engagement* YAB Perdana Menteri dengan pelbagai lapisan masyarakat. Sesuai dengan namanya, CREaTE seharusnya berperanan sebagai pencipta dan pelopor kepada kaedah-kaedah Kejuruteraan Unggul dalam pelbagai bidang yang dapat mencapai hasil seperti yang dihajati oleh rakyat. Ini selaras dengan hasrat JKR Malaysia untuk menjadi pembekal perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan projek, pengurusan aset dan kejuruteraan.

20. Saya berharap agar warga JKR sentiasa berusaha dan mengambil peluang untuk meningkatkan kompetensi dan kepakaran dalam bidang teknikal dan kejuruteraan bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam pembentukan TN50.

iii) Hubungan Kerjasama Antarabangsa

21. Kerjasama antarabangsa perlu diperluaskan oleh JKR dalam sistem pengetahuan teknikal agar ia lebih berdaya saing melalui kolaborasi strategik dengan badan teknikal kerajaan negara-negara luar menerusi aktiviti seperti pertukaran tenaga pekerja dan pengajar, perkongsian pintar, program berkembar dan sebagainya. Adalah diharapkan usaha ini akan dapat memantapkan lagi pengetahuan teknikal dan kejuruteraan di Malaysia.

22. Dalam jangka masa yang panjang ia dipercayai akan dapat membentuk satu budaya kerja dan tahap kemahiran yang setara dengan keperluan dan piawaian antarabangsa. Secara tidak langsung sistem penyampaian perkhidmatan di Malaysia akan menjadi lebih cekap dan setara dengan negara maju.

YBhg. Dato' Sri/Dato-Dato/Datin-Datin/ Tuan-Tuan/Puan-Puan,

PENUTUP

23. Sebagai penutup bicara pada pagi ini, besar harapan saya agar semua warga kerja raya, khususnya Jabatan Kerja Raya, sehati sejiwa, seiring melangkah dan giat berusaha meningkatkan kompetensi serta menyumbang kepakaran, pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam industri teknikal dan kejuruteraan dalam negara mahupun peringkat global.

24. Di samping itu, kita perlu sentiasa dekat di hati rakyat. Usahlah lokek ilmu yang ada, malahan perlu sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan kefahaman rakyat tentang pentingnya kekompetenan tulen dalam menghasilkan #Infrarakyat. Dalam hal ini saya amat berpuas hati dengan tindakan JKR mengeluarkan Bahan Edukatif Teknikal secara berkala di laman Facebook Rasmi Jabatan. Perkara ini hendaklah diteruskan untuk semua aspek teknikal dan tidak hanya tertumpu kepada aspek

teknikal jalan sahaja. Saya yakin JKR mampu menjadi Guru Teknikal yang disegani dan dipercayai rakyat melalui usaha-usaha sebegini.

25. Dengan usaha yang sinergik dan mesra rakyat kita perlu sentiasa meyakinkan mereka bahawa keperluan dan keselamatan adalah PERKARA UTAMA dalam setiap perkhidmatan teknikal yang diberikan. Mereka perlu tahu bahawa ada badan pengurus dan pengawas (*watch-dog*) iaitu; Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) yang sentiasa memastikan perkara ini terlaksana. Justeru itu, yakinlah dengan integriti dan profesionalisme badan-badan ini.

26. Bagi menghargai serta memartabatkan profesionalisme teknikal, dan selaras dengan pengwujudan JKR semenjak tahun 1872, maka saya ingin cadangkan satu hari dipilih iaitu hari Sabtu pertama bulan Disember sebagai “Hari Profesion Teknikal Negara”.

27. Semoga majlis ini berlangsung dengan jayanya dan membuahkan hasil sepertimana yang dikehendaki, seterusnya memartabatkan nama negara dan Jabatan Kerja Raya sendiri di peta dunia.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanhirrahim saya merasmikan Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia bagi tahun 2017.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.